



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXXXVI No. 107

December 2023



ISSN: 0375-3050

Citation: *Sarawak Museum Journal*, LXXXVI (107) (2023): 63-86

Muzium Sarawak dan Artifak Budaya Iban: Perbincangan Dalam Aspek Konservasi dan Falsafah Budaya Masyarakatnya

Sarawak Museum and Iban Cultural Artefacts: A Discussion in Aspects of Conversation and Cultural Philosophy of its Community

Gregory Kiyai @ Keai

City Graduate School, City University Malaysia, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

gregory_kiyai@yahoo.com

ABSTRACT

Dalam koleksi etnologi di Jabatan Muzium Sarawak, artifak budaya masyarakat Iban dilihat memiliki signifikan yang penting dalam pembangunan budaya serta warisan di Negeri Sarawak, khususnya dalam pembangunan dan kelestarian kebudayaan serta kesenian peribumi di Borneo. Walau bagaimanapun, pembangunan konservasi yang digariskan oleh International Council of Museum (ICOM) dan Muzium Negara dilihat agak statik dan hanya melakukan prosedur preventif sahaja. Perkara ini adalah dilihat telah mengenyampingkan falsafah budaya yang terdapat dalam artifak budaya Iban sesuai dengan kepercayaan dan amalan masyarakatnya di rumah panjang. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencadangkan sebuah model yang komprehensif dengan menerapkan prosedur konservasi yang sedia ada dan menaiktarafnya dengan membawa falsafah budaya masyarakat Iban untuk tujuan pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat explanatory research iaitu menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada artifak budaya Iban dalam koleksi Muzium Sarawak. Hasil dapatan mendapati bahawa artifak budaya Iban mempunyai pengaruh yang kuat dalam kepercayaan dan kebudayaan masyarakatnya tentang kehidupan dan pandangan mereka terhadap dunia. Dengan itu penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberikan anjakan paradigma yang baharu kepada proses pembangunan konservasi dan artifak Jabatan Muzium Sarawak tanpa harus mengenyampingkan falsafah budaya masyarakat yang memiliki artifak tersebut.

Keywords: Artifak budaya, falsafah budaya, konservasi, Muzium Sarawak, masyarakat Iban

MUZIUM SARAWAK DAN ARTIFAK BUDAYA IBAN: PERBINCANGAN DALAM ASPEK KONSERVASI DAN FALSAFAH BUDAYA MASYARAKATNYA

*Sarawak Museum and Iban Cultural Artifacts:
A Discussion in Aspects of Conversation and
Cultural Philosophy of its Community*

Gregory Kiyai @ Keai

City Graduate School, City University Malaysia, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
gregory_kiyai@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam koleksi etnologi di Jabatan Muzium Sarawak, artifak budaya masyarakat Iban dilihat memiliki signifikansi yang penting dalam pembangunan budaya serta warisan di Negeri Sarawak, khususnya dalam pembangunan dan kelestarian kebudayaan serta kesenian peribumi di Borneo. Walau bagaimanapun, pembangunan konservasi yang digariskan oleh *International Council of Museum (ICOM)* dan Muzium Negara dilihat agak statik dan hanya melakukan prosedur preventif sahaja. Perkara ini adalah dilihat telah mengenyampingkan falsafah budaya yang terdapat dalam artifak budaya Iban sesuai dengan kepercayaan dan amalan masyarakatnya di rumah panjang. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencadangkan sebuah model yang komprehensif dengan menerapkan prosedur konservasi yang sedia ada dan menaiktarafnya dengan membawa falsafah budaya masyarakat Iban untuk tujuan pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat *explanatory research* iaitu menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada artifak budaya Iban dalam koleksi Muzium Sarawak. Hasil dapatan mendapati bahawa artifak budaya Iban mempunyai pengaruh yang kuat dalam kepercayaan dan kebudayaan masyarakatnya tentang kehidupan dan pandangan mereka terhadap dunia. Dengan itu penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberikan anjakan paradigma yang baharu kepada proses pembangunan konservasi dan artifak Jabatan Muzium Sarawak tanpa harus mengenyampingkan falsafah budaya masyarakat yang memiliki artifak tersebut.

Kata Kunci: Artifak budaya, falsafah budaya, konservasi, Muzium Sarawak, masyarakat Iban